

# MAJLIS PEMBUKAAN KURSUS ILMU PENERBANGAN ASAS (KIPA) SIRI 48/17

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2339-majlis-pembukaan-kursus-ilmu-penerbangan-asas-kipa-siri-48-17](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2339-majlis-pembukaan-kursus-ilmu-penerbangan-asas-kipa-siri-48-17)

ALOR SETAR, 24 Ogos 17 - Majlis Pembukaan Kursus Ilmu Penerbangan Asas (KIPA) Siri 48/17 telah diadakan di Dewan Tamingsari, Kolej Tentera Udara. Kursus ini bermula dari 21 Ogos 17 sehingga 15 Dis 17 bertempat di Pusat Latihan Terbang 2 (PULATIBANG 2) yang melibatkan seramai 31 anggota dari lain-lain pangkat yang terdiri daripada 18 anggota dari perkhidmatan TUDM, 3 anggota dari perkhidmatan Tentera Darat dan 10 anggota Pramugari TUDM. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Pegawai Memerintah PULATIBANG 2, Lt Kol Azman bin Taib TUDM dan Pegawai Laksana Kolej, Lt Kol Roslan bin Salam TUDM. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg Brigadier Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM, Komandan Kolej Tentera Udara.

